

Akhir zaman merupakan suatu zaman menghampiri saat berakhirnya usia dunia. Suasana mencabar dapat dirasakan dengan hadirnya satu persatu tanda-tanda kiamat kecil dan sederhana sebagaimana ternungkil dalam hadis dan riwayat Nabi Muhammad SAW dan para sahabat. Rentetan dugaan hebat yang melanda segala aspek dan penjuru termasuk akhlak, aqidah, syariat, ekonomi dan ibadat, orang yang beriman pasti akan tercari-cari apakah bekalan dan persiapan untuk menyelamatkan diri dari fitnah ini dan apa yang dapat dibawa ke alam barzakh nanti. Buku ini merupakan edisi yang kedua diterbitkan dengan penambahan empat bab baru berbanding penerbitan pertama dahulu. Ini merupakan usaha berterusan pihak pengurusan Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Pusat Islamisasi CENTRIS bagi memberikan beberapa panduan dan pencerahan dalam memahami hakikat akhir zaman dan tips menghadapinya berdasarkan dalil dan nas yang sahif daripada sumber al-Quran dan al-Sunnah. Semoga dapat menjadi pegangan yang praktikal bagi mendepani cabaran akhir zaman.

ISBN 978-967-491-072-3




(603) 6421 5014 / 5018
(603) 6421 6298
iiumbookshop@iium.edu.my
iiumbookshop.com
www.facebook.com/iumpress
www.instagram.com/iumpress/
https://twitter.com/PressIium



IIUM
Press

Titian AKHIR ZAMAN EDISI KEDUA

Mek Wok Mahmud Raudlotul Firdaus Fatah Yasin Mohd Puzhi Usop



MEK WOK MAHMUD memperolehi ijazah pertama dalam jurusan Undang-undang (1989) dan Diploma dalam bidang Pendidikan (1990). Seterusnya Ijazah Sarjana dalam bidang Ilmu Wahyu di UIAM. Kemudiannya memperolehi PhD dalam bidang Syariah di International University of Khortoum, Sudan pada tahun 2000.

RAUDLOTUL FIRDAUS FATAH YASIN graduan sarjana muda Usuluddin - Tafsir Universiti Al-Azhar Mesir (2001). Menyelesaikan tamhidi Masters dalam bidang yang sama (2003) di INSANIAH (UNISHAMS sekarang). Memperolehi sijil Masters dalam bidang Pengajian Quran dan Sunnah UIAM (2006) dan PhD dalam bidang yang sama pada tahun 2012.

MOHD PUZHI USOP graduan sarjana muda dan Diploma Pendidikan dari UIAM. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan doktor falsafah di Universiti Malaya dalam bidang pengajaran bahasa Arab. Kini beliau bertugas sebagai pensyarah bahasa Arab di Centre for Languages and PreUniversity Academic Development (CELPAD), UIAM sejak 1999.

Titian
**AKHIR
ZAMAN**

Titian

AKHIR

ZAMAN

EDISI KEDUA

Disunting Oleh
Mek Wok Mahmud
Raudlotul Firdaus Fatah Yasin
Mohd Puzhi Usop

Dengan Kata Pengantar Oleh
Dato Seri Dr. Hj. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)



**IIUM
Press**

Gombak • 2021

Cetakan Pertama, 2020

Cetakan Kedua, 2020

Edisi Kedua, 2021

©IIUM Press, IIUM

IIUM Press ialah ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia - MAPIM
(Malaysian Scholarly Publishing Council)
Persatuan Penerbit Buku Malaysia - MABOPA
(Malaysia Books Publisher Association)
No. Ahli - 201905

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam sistem dapatan semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan
apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran
bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Titian AHIR ZAMAN / Disunting Oleh Mek Wok Mahmud, Raudlotul Firdaus Fatah

Yasin, Mohd Puzhi Usop. – EDISI KEDUA.

ISBN 978-967-491-072-3

1. Islam--Customs and practices.
2. Religious life--Islam.
3. Muslims--Conduct of life.
4. Government publications--Malaysia.

I. Mek Wok Mahmud. II. Raudlotul Firdaus Fatah Yasin.

III. Mohd. Puzhi Usop. IV. Title.

297.57

Diterbitkan di Malaysia oleh

IIUM Press

International Islamic University Malaysia

P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh

Perniagaan Normahs

No. 3, 5 & 7, Jalan 12/10

Taman Koperasi Polis Fasa 1

68000 Mukim Batu

Kuala Lumpur

KANDUNGAN

<i>Senarai Rajah dan Jadual</i>	vii
<i>Kata Pengantar oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (HEA)</i>	ix
<i>Prakata Edisi Kedua</i>	xiii
<i>Prakata Edisi Pertama</i>	xvii
Bab 1 PENDAHULUAN	1
<i>Mek Wok Mahmud</i>	
<i>Raudlotul Firdaus Fatah Yasin</i>	
<i>Mohd Puzhi Usop</i>	
Bab 2 MENITI TITIAN TERAKHIR	12
<i>Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin</i>	
Bab 3 PERANAN ILMU DALAM MEMBINA PERSEPSI	23
AQIDAH TENTANG TANDA-TANDA AKHIR ZAMAN	
<i>Mohammad Dhiya'u'l Hafidh Fatah Yasin</i>	
Bab 4 PESANAN AKHIR OLEH	42
IMAM BADI'UZZAMAN SAID NURSI	
<i>Noor Azma Mohamad Khassim</i>	
Bab 5 PESANAN NABI MUHAMMAD SAW	57
TERHADAP UMAT ISLAM AKHIR ZAMAN	
<i>Sofiah Samsudin</i>	
Bab 6 AL-QUR'AN SEBAGAI PENAWAR BENCANA	73
MEDIA SOSIAL DI AKHIR ZAMAN	
<i>Abdullah Bukhari Abdul Rahim</i>	

Kandungan

Bab 7 KEADAAN WANITA AKHIR ZAMAN <i>Qurrotul Aien Fatah Yasin</i>	85
Bab 8 SIFAT-SIFAT WANITA SYURGA DAN NERAKA DI AKHIR ZAMAN <i>Mek Wok Mahmud</i>	98
Bab 9 AKHIR ZAMAN DAN CABARAN RAWATAN ISLAM RUQYAH SYARIYYAH <i>Mohd Puzhi Usop</i>	116
Bab 10 EKONOMI AKHIR ZAMAN DAN CABARAN KEWANGAN BAGI INSAN BERIMAN <i>Raudlotul Firdaus Fatah Yasin</i> <i>Ahmad 'Arif Mohd Arshad</i>	129
Bab 11 GEJALA LGBT DI AKHIR ZAMAN <i>Mohd Azrul Azren Abd Hamid</i>	143
Bab 12 BAHAYA NIFAQ AKHIR ZAMAN <i>Nurul Jannah Zainan Nazri</i> <i>Asma' Harun</i>	155
Bab 13 FENOMENA KERAPUHAN INSTITUSI KELUARGA DI AKHIR ZAMAN <i>Nor Zatu Amni Mohamad</i>	171
<i>Senarai Penyumbang</i>	185
<i>Indeks</i>	191

SENARAI RAJAH DAN JADUAL

Rajah 3.1: Lima asas tamadun moden akhir zaman	53
Rajah 6.1: Contoh pakaian yang menutup sebahagian tubuh dan membuka sebahagian yang lain.	91
Jadual 9.1: Syarah hadis Ibn Daqiq al-Íd dan Qadhi Íyadh tentang hadis ibu melahirkan tuannya sendiri.	136
Rajah 9.1: Bangunan tertinggi di dunia.	137
Jadual 11.1: Tema yang dikeluarkan daripada hadis-hadis sahih tentang LGBT	148
Jadual 11.2: Perkataan yang digunakan bagi menggambarkan keburukan perbuatan songsang kaum sejenis	148
Rajah 11.1: Tema hadis-hadis sahih berkaitan LGBT yang disusun mengikut fasa keterlibatan	149

KATA PENGANTAR

**Dato' Seri Dr. Hj. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Hal Ehwal Agama]**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ تَحْمِدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ، مَنْ يَهْدِي اللَّهُ فَلَا مُضَلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ
لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ حُمَّادًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِهِ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ.

Umat Islam di seluruh dunia kini menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran yang berpunca dari tekanan dan serangan mental, rohani dan ekonomi dari pelbagai sudut, serta kelemahan dan kedaifan umat Islam sendiri. Kealpaan umat Islam dan kecetekan dalam ilmu pengetahuan agama akan menyebabkan mereka terjerumus ke dalam kegagalan di kehidupan dunia mahu pun di akhirat. Setiap individu, para pendakwah, jabatan-jabatan agama Islam serta pemerintah Islam perlu memainkan peranan penting untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Islam tentang muslihat serta senjata musuh-musuh Islam untuk melemahkan mereka. Di akhir zaman ini, umat Islam dilekakan dengan kemewahan duniaawi yang melampau hingga terlupa batas-batas syariah Islam. Generasi muda yang dikenali dengan 'GEN Y' kini dilalaikan dengan gajet serta permainan menerusi talian internet yang telah dan sedang menyebabkan belia kita ketagih hingga mereka lupa tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pelajar atau pekerja juga sebagai hamba Allah SWT.

Allah SWT menegaskan dalam firman-Nya: “Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): “Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar”. Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu”. (*Surah al-Baqarah: 120*).

Cabaran utama umat Islam sejak zaman para rasul sebelum kelahiran Rasulullah SAW adalah pengaruh agama Yahudi dan Nasrani. Mereka tidak pernah putus asa menindas serta memecahbelahkan umat Islam. Mereka menimbulkan fitnah di kalangan umat Islam sehingga mereka bukan sahaja berpecah belah malahan berperang sesama sendiri. Lihat sendiri apa yang berlaku di Timur Tengah. Negara Islam membeli senjata dari negara kafir untuk membunuh umat Islam. Ini memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung kepada ekonomi umat Islam, perkembangan psikologi dan mental serta bertebarannya fitnah di mana-mana.

Penulis dan pemikir Islam sudah banyak menulis mengenai cabaran yang dihadapi umat Islam. Abdul Qadir Awdah, seorang pakar undang-undang Mesir yang gugur syahid di tali gantung pada zaman Jamal Abdel Nasir, pernah mengungkapkan antara cabaran ummah ialah kejahilan ummah itu sendiri dan kelesuan ulama. Kejahilan umat Islam dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang agama menjadi antara faktor utama kemunduran umat Islam. Kelas-kelas agama kebanyakannya dihadiri oleh golongan tua. Generasi muda kini terlalu sibuk dengan urusan dunia hingga melupakan akhirat. Mereka dilanda penyakit *wahn* iaitu cintakan dunia dan bencikan kematian. Apabila berbicara tentang fitnah akhir zaman, terdapat golongan yang merasa serba tahu seolah-olah mereka sudah cukup bekalan berhadapan dengan ujiannya. Hakikatnya pengetahuan agama mereka masih terhad dan perlu ditambah lagi. Mereka juga mudah terpengaruh dengan fitnah dan dakyah yang dilontarkan oleh pelbagai pihak dari pelbagai sudut.

Umat Islam hendaklah kembali kepada al-Qur'an dan al-Sunnah dalam mengharungi kehidupan di zaman yang sangat mencabar ini. Rasulullah SAW telah berpesan dengan sabdanya:

Kata Pengantar

تَرْكُتُ فِيمَا أَمْرَيْتُ، لَنْ تَخْلُوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا : كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ رَسُولِهِ.

Maksud: “Aku tinggalkan untuk kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selagi mana kamu berpegang dengan kedua-duanya, kitab Allah (al-Qur'an) dan sunnah rasul-Nya”.

(Imam Malik bin Anas: 1594)

Saya menyeru kepada semua pihak agar bangkit lantas mengambil langkah yang sewajarnya untuk memberi kesedaran kepada ummah tentang pelbagai bentuk cabaran yang kita hadapi khususnya di akhir zaman ini. Seterusnya umat Islam perlu dilengkapkan dengan pertahanan yang ampuh dari segi mental dan rohani untuk menangkis segala bentuk dugaan dan cabaran agar kita beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada para penulis serta pihak Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Centre for Islamisation (CENTRIS) dan IIUM Press yang telah berjaya menerbitkan buku yang sangat bermanfaat ini. Moga Allah SWT ganjari kita semua dengan kebaikan di dunia dan akhirat.

DATO' SERI DR. HJ. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

PRAKATA EDISI KEDUA

**Mek Wok Mahmud
Raudlotul Firdaus Fatah Yasin
Mohd Puzhi Usop**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas Rasul junjungan, Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya dan sekalian sahabatnya. Buku edisi kedua *Titian Akhir Zaman* dihasilkan setelah kemunculan buku edisi pertama *Titian Akhir Zaman* pada November 2019 yang lalu. Dalam tempoh masa tiga bulan, *alhamdulillah* buku edisi pertama telah mendapat sambutan yang agak luar biasa daripada orang ramai. Cetakan kedua dengan beberapa pembetulan telah habis di pasaran dalam tempoh tidak sampai beberapa minggu. Ini merupakan gambaran betapa umat Islam pada hari ini sangat dahagakan bahan bacaan ilmiah yang membekalkan panduan dan tips-tips berguna dalam menghadapi akhir zaman ini. Ketika proses penerbitan edisi kedua sedang berjalan, buku ini telah menerima banyak tempahan dari dalam kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan juga dari seluruh negara. Ini menjadi tanda bahawa masyarakat sangat cakna dalam pencarian bahan bacaan yang diyakini boleh merubah persepsi serta sesuatu sikap negatif menjadi positif, menjernihkan yang keruh serta menjadi sandaran kukuh agar mereka tidak tergelincir dari landasan yang benar.

Permintaan luar jangka ini telah menyemarakkan pasukan penulis untuk menambah empat tajuk baru yang sangat signifikan serta sering menjadi perbincangan di kalangan masyarakat masa kini. Tajuk-tajuk yang diutarakan dalam edisi pertama adalah Meniti Titian Terakhir, Pesanan Akhir oleh Imam Badi'uzzaman Sa'id Nursi, Pesanan Nabi Muhammad SAW Terhadap Umat Islam Akhir Zaman, Al-Quran Sebagai Penawar Bencana Media Sosial di Akhir Zaman, Keadaan Wanita Akhir Zaman, Sifat-Sifat Wanita Syurga dan Neraka di Akhir Zaman, Akhir Zaman Dan Cabaran Rawatan Islam Ruqyah Syar'iyyah serta Akhir Zaman Dan Cabaran Kewangan Insan Beriman. Manakala empat tajuk

tambahan dalam edisi kedua ini adalah Peranan Ilmu Dalam Membina Persepsi Aqidah Tentang Tanda-Tanda Akhir Zaman, Gejala LGBT dan Remaja Akhir Zaman, Bahaya Nifaq Akhir Zaman serta Fenomena Kerapuhan Institusi Keluarga Akhir Zaman.

Jika edisi pertama buku ini lebih banyak menumpukan perbincangan pada tanda-tanda zahir telah hampirnya manusia ke peristiwa kiamat, edisi kedua menghidangkan tajuk-tajuk perbincangan yang melengkapkan kefahaman pembaca dalam bidang ilmu akhir zaman dan secara berdisiplin. Bab-bab perbincangan dalam edisi yang kedua ini menjurus ke arah persediaan dalaman akal dan hati dalam memahami dan mengatasi ujian-ujian yang melanda manusia di akhir zaman serta melengkapkan lagi tanda-tanda akhir zaman dengan munculnya jenayah LGBT yang songsang, berleluasanya gejala *nifaq* iaitu berpura-pura menjadi baik atau menjadi orang Islam sedangkan hatinya tidak beriman, serta rapuhnya institusi kekeluargaan yang membawa kepada kehancuran tamadun masyarakat. Dalam keghairahan umat Islam serata dunia mempelajari dan mendalami ilmu berkaitan tanda-tanda akhir zaman, fenomena dan persediaan menghadapi fitnah ujian, terdapat juga keadaan di mana ilmu-ilmu dan maklumat yang disampaikan dalam masyarakat tidak bersumber dari riwayat yang sahih dan benar.

Perlulah diketahui bahawa riwayat-riwayat sahih daripada hadith baginda Nabi SAW sebenarnya telah menggariskan panduan yang jelas dalam mengenal pasti rentetan peristiwa-peristiwa yang berlaku di zaman sebelum keluarnya Dajjal hingga hal berlakunya kiamat. Tidak dinafikan, para *salafussoleh* dan ulama mutakhir telah bekerja keras menghimpunkan riwayat tersebut dalam karya-karya klasik dan moden daripada pelbagai sumber yang sahih mahupun yang lemah. Bercampurnya riwayat yang lemah (*dha'if*) atau palsu (*mawdu'*) dalam karya-karya tersebut adakah menimbulkan rasa cemas yang berlebihan di kalangan pembaca dan penuntut ilmu, atau ketakutan yang berlebihan sehingga menimbulkan paranoid seperti yang kedengaran akhir-akhir ini. Walhal, apa yang dikehendaki oleh baginda Rasulullah SAW dalam mempelajari ilmu akhir zaman adalah untuk berhati-hati dan memantapkan iman kita kepada Allah SWT di samping memperbanyakkan amalan soleh agar sentiasa dilindungi dari kejahatan dan tipu daya musuh-musuh Islam.

Justeru itu, para penulis buku ini berusaha menganalisis riwayat-riwayat sahih yang dinaqalkan dari pelbagai sumber rujukan dan menyusun atur mengikut tajuk-tajuk yang berkaitan. Buku ini merupakan

Prakata Edisi Kedua

satu himpunan kajian secara kualitatif dengan pendekatan separa akademik tetapi bersahaja, disokong dengan statistik dan maklumat perkembangan semasa yang saintifik. Diharapkan penambahan isu-isu penting dalam edisi kedua ini dapat memberi informasi dan panduan berguna buat para pembaca dalam mendepani dan menyelesaikan kemelut akhir zaman yang semakin mencabar. Masyarakat yang prihatin sentiasa memerlukan bimbingan serta buah fikiran bernes para pemikir dan penulis yang ikhlas berusaha dan berfikir untuk membantu masyarakat bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Semoga usaha ini diterima sebagai amal soleh di sisi Allah SWT.

PRAKATA EDISI PERTAMA

Aakhir zaman merupakan suatu zaman menghampiri saat berakhirnya usia dunia. Suasana mencabar dapat dirasakan dengan hadirnya satu persatu tanda-tanda kiamat kecil berdasarkan riwayat Nabi Muhammad SAW dan para sahabat. Rentetan dugaan hebat yang melanda segala aspek dan penjuru termasuk akhlak, aqidah, syariat, ekonomi dan ibadat, orang yang yang beriman pasti akan tercari-cari apakah bekalan dan persiapan untuk menyelamatkan diri dari fitnah ini dan apa yang dapat dibawa ke alam barzakh nanti.

Buku ini adalah yang julung kalinya diterbitkan sebagai salah satu usaha pengurusan Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Centre for Islamisation (CENTRIS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dengan kerjasama IIUM Press bagi memberikan sedikit panduan dan pencerahan dalam memahami hakikat akhir zaman dan tips menghadapinya berdasarkan dalil dan nas yang sahih daripada sumber al-Quran dan al-Sunnah. Dimulakan dengan hakikat sebenar akhir zaman sebagaimana diajarkan oleh baginda Rasulullah SAW dalam nas-nas baginda yang sahih, sehingga tips dan nasihat-nasihat berguna untuk dijadikan rujukan pembaca dalam melayari kehidupan. Buku ini sesuai untuk dibaca oleh golongan berilmu agama mahupun ilmu sains, serta masyarakat awam yang dahagakan panduan dalam meniti titian akhir zaman.

Semoga pengisian yang dibahaskan dalam buku ini dapat menjadi pegangan yang praktikal bagi mendepani cabaran akhir zaman. Khususnya bagi orang-orang yang beriman dan yang benar-benar mencari hidayah di akhir zaman.

BAB 1

PENDAHULUAN

Mek Wok Mahmud
Raudlotul Firdaus Fatah Yasin
Mohd Puzhi Usop

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW serta seluruh keluarga Baginda, para sahabat *ridhwanullahu an'hum*, para ulama dan para salafussoleh yang telah berkorban demi menegakkan agama Allah di muka bumi ini.

Puji dan syukur ke hadrat Ilahi atas kejayaan penerbitan edisi pertama buku Titian Akhir Zaman yang mendapat sambutan mengalakkkan dari masyarakat Islam pelbagai lapisan di Malaysia mutakhir ini. Dalam terbitan edisi kedua, buku ini ditambah dengan empat bab penting dalam meniti titian akhir zaman yang merangkumi persediaan ilmu, penyucian hati dari elemen nifaq atau hipokrisi dan fenomena lesbian, gay, biseksual dan transeksual yang merupakan tanda akhir zaman yang perlu diperhalusi dan diatasi. Daripada sembilan bab dalam edisi pertama, edisi kedua menghidangkan empat belas bab yang diakhiri dengan fenomena kerapuhan institusi kekeluargaan di akhir zaman dan penyelesaiannya.

Akhir zaman merupakan zaman penutup atau zaman terakhir usia dunia, sehingga sejarah kehidupan dunia akan berakhir. Ia adalah petanda hadirnya kiamat dalam masa yang sangat dekat. Hari Kiamat (*yaum al-qiyamah*) merupakan suatu rangkaian kejadian bermula dari kehancuran seluruh hidupan dan material di alam semesta (*al-saa'ah*), hari kebangkitan (*yaum al-ba'ath*), hari pengadilan (*yaum al-din*), hingga penentuan setiap umat manusia apakah layak memasuki syurga atau neraka.

Akhir zaman dan hari kiamat (termasuk semua rangkaian kejadiannya seperti hari kehancuran alam semesta, hari kebangkitan, hari pengadilan dan seterusnya), semua ini digabungkan dalam sebuah istilah lain yang dikenali sebagai hari akhir (*yaum al-akhir*). Tiada seorangpun (termasuk nabi dan rasul) yang mengetahui waktu berlakunya kiamat kecuali Allah SWT. Namun, melalui Nabi dan Rasul-Nya, Allah SWT telah memberitahu tanda-tanda kedatangannya sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur'an dan hadis.

Sesungguhnya sesiapa yang mentaati Allah dan Nabi-Nya, dia berada di jalan yang benar, dan sesiapa yang tidak mentaati mereka tidak menyakiti (merugikan) siapapun kecuali dirinya sendiri, dan dia sama sekali tidak menyakiti (merugikan) Allah." (Sunan al-Nasa'i, Sunan Abu Dawud).

Rasulullah SAW bersabda: "Aku diutus (sebagai Nabi) dan hari kiamat adalah seperti kedua jari ini (ambil Baginda merapatkan jari telunjuk dan jari tengahnya)." (Sahih Bukhari).

Banyak hadis Nabi SAW menceritakan keadaan manusia pada akhir zaman iaitu tanda-tanda awal akan berlakunya hari kiamat. Terdapat beberapa hadis yang menceritakan tentang keadaan manusia pada akhir zaman ini ketika bermaharajalela segala kerosakan dan maksiat sehingga orang yang bertakwa dipandang asing dan tidak dihormati lagi.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Kekal akan datang pada akhir zaman segolongan manusia, yang - berwajah manusia, namun hati mereka adalah hati syaitan; seperti serigala-serigala buas, tidak ada walau sedikitpun di hati mereka rasa belas kasihan. Mereka gemar menumpahkan darah dan tidak berhenti dari (melakukan) perbuatan keji. Apabila kamu mengikuti mereka, maka mereka akan memperdaya kamu. Akan tetapi, apabila kamu menghindari mereka, maka mereka akan mencela kamu. Apabila berbicara dengan mereka, mereka akan membohongi kamu. Dan apabila kamu memberikannya kepercayaan, mereka akan mengkhianatinya. Anak kecil mereka jahil, pemuda mereka licik. Sementara yang tua tidak menyuruh berbuat baik dan tidak melarang yang mungkar. Mereka itu sentiasa membangga diri dalam kehinaan, dan meminta apa yang ada pada mereka bererti kesusahan. Orang yang santun di tengah mereka adalah sesat, dan orang yang menyuruh kepada perbuatan makruf justeru menjadi tertuduh. Orang yang beriman dalam kalangan mereka adalah lemah, sedangkan orang yang fasiq menjadi mulia. Sunnah di tengah mereka adalah bidaah, sedangkan bidaah itu

sendiri adalah sunnah. Maka ketika itu mereka dikuasai oleh orang-orang paling jahat di antara mereka. Sedangkan orang pilihan, apabila dia menyeru, pasti tidak akan dihiraukan.” (Hadis Riwayat Tabrani- Kitab al-Mu’jam al-Kabir)

Pada akhir zaman ini, penindasan berlaku di mana sahaja termasuklah sesama umat Islam sendiri kerana sifat tamak dalam diri manusia. Jutaan saudara kita ditindas dengan pelbagai cara seperti wanita dan kanak-kanak yang dirogol serta dibunuh seperti yang berlaku kepada umat Islam Rohingya di Myanmar, tanah dan rumah umat Islam dirampas sehingga mereka merempat di tanah air mereka sendiri. Malahan ada yang diusir dari kampung halaman mereka sepetimana yang berlaku kepada umat Islam di Palestin. Kebebasan untuk mengamalkan Islam dalam kehidupan sehari-hari mereka terhalang seperti yang berlaku kepada umat Islam Uyghur di China. Konflik Sunni dan Syiah di Syria yang sudah menjangkau dua belas tahun turut memusnahkan kesan-kesan peninggalan Islam Bani Umayyah serta seluruh sistem kehidupan. Bangsa Moro Islam di Selatan Filipina turut mengalami nasib yang sama seperti penduduk Islam di Selatan Thai, mereka sering ditindas serta tidak diberikan keadilan dalam pelbagai aspek. Terkini adalah penindasan yang dilakukan oleh kerajaan India terhadap wilayah Kashmir yang majoriti penduduknya adalah beragama Islam dan serangan militan ke atas Yaman sehingga mengakibatkan kebuluran yang berpanjangan di kalangan rakyatnya.

Jika diteliti beberapa hadis Nabi Muhammad SAW yang lain, Baginda telah menceritakan keadaan yang berlaku sekarang ini dan kenapa ia berlaku kepada umat Islam atau apa salah dan dosa umat Islam hingga diperlakukan sedemikian dan dihina sehina-hinanya?

Daripada Thawban r.a., beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Hampir tiba satu waktu di mana bangsa-bangsa dari seluruh dunia akan datang mengerumuni kamu bagaikan orang yang hendak makan mengerumuni hidangan mereka.” Maka salah seorang sahabat bertanya: “Adakah hal itu kerana bilangan kamu sedikit pada hari itu?” Nabi SAW menjawab: “Bahkan kamu pada hari itu ramai sekali, tetapi kamu umpama buih pada waktu banjir dan Allah SWT akan mencabut rasa gentar terhadap kamu dari hati musuh-musuh kamu dan Allah akan melemparkan ke dalam hati kamu penyakit *wahan*.” Seorang sahabat bertanya: “Apakah penyakit *wahan* itu wahai Rasulullah?” Nabi SAW menjawab: “Cinta dunia dan takut mati.” (Hadis riwayat Abu Dawud).

Ternyata daripada hadis di atas, Rasulullah SAW pernah menyatakan berlakunya keadaan ini kerana kesalahan umat akhir zaman yang mempunyai antaranya dua penyakit yang amat kronik. Dua penyakit dikatakan itu ialah; Pertama: Cintakan dunia sehingga memperhambakan diri dan seluruh kehidupan kepada dunia. Apa sahaja yang ditawarkan dunia akan disentap dengan rakusnya sehingga mereka lupa halal haram dan dosa pahala, lupa kita akan mati dan akan dipertanggungjawabkan atas setiap apa yang kita lakukan di dunia. Kedua: Takutkan mati. Akhirnya, kerana terlampau cintakan dunia dengan segala kemewahan dan kenikmatannya menyebabkan mereka takut akan kematian serta takut dengan ancaman musuh sehingga tidak mahu bekerja untuk agama sedangkan umat terdahulu sanggup bergolok-gadai hatta terbunuh di medan peperangan demi mewariskan Islam kepada kita hari ini. Isu-isu yang berkaitan dengan kewangan Islam di akhir zaman dibicarakan dengan panjang lebar oleh Raudlotul Firdaus Fatah Yasin dan Ahmad 'Arif Mohd Arshad dalam bab yang terakhir. Mereka berdua membincangkan tentang cabaran kewangan bagi insan yang beriman pada akhir zaman. Beberapa hadis yang berkaitan dengan tanda-tanda akhir zaman yang menjurus kepada cabaran ekonomi dan kewangan yang akan dihadapi oleh orang-orang beriman turut disajikan untuk mencari beberapa petunjuk wahyu untuk membantu para muslimin agar dapat melindungi serta membebaskan diri dari cengkaman yang mampu menjaskankan aqidah akibat cabaran ekonomi yang dihadapi, khususnya bagi mereka yang ingin mempertahankan imannya dari tipu daya yang menyesatkan.

Antara isu yang hangat diperkatakan di akhir zaman ini ialah isu perubatan Islam. Kesedaran masyarakat tentang perkara-perkara syirik dan khurafat semakin menebal sejak dengan perkembangan ilmu pengetahuan menerusi media masa yang pelbagai. Kecenderungan masyarakat untuk mendapatkan khidmat rawatan Islam berbanding dengan kaedah tradisional meningkat hari demi hari. Fenomena ini telah menyebabkan munculnya pelbagai kaedah rawatan yang mendakwa mereka mengamalkan kaedah rawatan Islam, namun hakikatnya mereka hanya bertopengkan rawatan Islam untuk menipu masyarakat. Perkara ini dijelaskan dengan panjang lebar oleh Mohd Puzhi Usop dalam bab kelapan. Kemunculan pelbagai jenis penyakit fizikal mental dan spiritual sangat membimbangkan negara. Golongan belia didapati tidak memiliki ketahanan untuk menghadapi cabaran dan dugaan di akhir zaman. Jiwa

mereka lemah untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Mereka lebih gemar lari dari masalah. Bilangan pesakit fizikal dan mental semakin bertambah hari demi hari. Kesempatan ini diambil oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan tanpa memikirkan soal halal dan haram. Akibat menurutkan hawa nafsu, tentunya segala cara akan digunakan termasuk tipu muslihat tanpa mengira dosa dan pahala. Ketika itu, lenyaplah nilai-nilai akhlak yang murni dan tinggallah kecurangan, penipuan, saling mengkhianati, dengki-mendengki dan zalim-menzalimi.

Pada akhir zaman juga, banyak orang merasa bahawa diri mereka bijak. Golongan ulama dicera dan diperlekeh, golongan berilmu bersifat ego manakala pengikutnya pula begitu taksub. Ustaz Muhammad Dhiya'ul Hafidh membahaskan tentang kepentingan ilmu pengetahuan bagi menjaga aqidah muslim khususnya yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan tanda-tanda akhir zaman. Keimanan yang padu dan akidah yang kukuh terhadap rukun-rukun iman yang diperkuat dengan ilmu yang sahih serta tanda-tanda akhir zaman menjadikan kita lebih bersedia dan tidak tergamam jika tiba-tiba berlakunya kiamat. Bekalan ilmu juga sangat penting bagi memberikan sedikit bekalan kepada orang beriman bagaimanakah kaedah berinteraksi dengan dalil-dalil dan ilmu pengetahuan yang disampaikan mengenai suasana akhir zaman bagi menjadikan seseorang itu lebih bijak dan bersederhana dan tidak dilanda paranoid atau ekstrim ketika berusaha mengatasi cabarannya.

Golongan ilmuwan juga kerap bertelagah yang tidak sama sekali mencerminkan ketokohan ilmunya. Kita dapat saksikan pada hari ini terdapat individu atau masyarakat yang mengamalkan ajaran mengikut syariat Islam, sunnah dan akhlak Rasulullah SAW, namun dipulau dan dipandang serong. Sedangkan, fahaman liberalisme dan kes perlakuan songsang bertentangan dengan fitrah seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) diangkat serta dipertahan sehingga golongan yang memperjuangkan hak itu diberi peruntukan undang-undang. Para remaja turut mengalami situasi lebih mencabar di akhir zaman. Kecenderungan untuk menghalalkan yang haram serta mengharamkan yang halal semakin menjadi-jadi. Percambahan kes LGBT sangat membimbangkan. Mereka semakin berani mendedahkan aktiviti songsang mereka. Artikel yang ditulis oleh Azrul Azlen mengupas lebih mendalam tentang epistemologi LGBT dan permasalahan isu ini dari pebagai aspek. Kupasan menarik disandarkan kepada dalil-dalil wahyu, menjadikan ia lebih bermanfaat

untuk membantu usaha memerangi gejala LGBT yang membimbangkan negara.

Suasana akhir zaman yang penuh dengan liku-liku dan pancaroba bagi orang beriman menjadikan laluan perjalanan begitu sukar dan mencabar. Ibarat merentasi curam melalui titian yang kecil dan rapuh sehingga cabaran untuk melepassi curam itu adalah sangat besar dan berisiko. Melalui hari-hari dalam kehidupan pada akhir zaman seumpama menyeberangi curam melalui titian rapuh itu dan hanya pertolongan Allah sahaja yang memungkinkan seseorang itu melintasinya dengan selamat. Justeru orang beriman pada akhir zaman perlu menggandakan usaha, menambah ilmu, memantapkan keimanan, serta berusaha dan berikhtiar untuk mencari ubat dari gejala penyakit *wahan*.

Apakah ubat yang dapat menyembuhkan penyakit-penyakit ini? Sesungguhnya, beberapa ubat dan vaksin kepada penyakit kronik akhir zaman ini telah diterangkan dalam al-Quran al-Karim dan hadis Nabi SAW. Antaranya ialah firman Allah SWT: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah (agama Islam).” (Ali Imran:103).

Daripada Abu Hurairah r.a, Nabi SAW bersabda: “Semua umatku akan masuk ke dalam syurga melainkan yang enggan.” Sahabat berasa kehairanan lalu bertanya; “Ya Rasulullah! Siapa yang tidak mahu masuk syurga?” Rasulullah SAW menjawab: “Siapa yang taat kepadaku bererti dia mahu masuk syurga dan siapa yang menyalahi ajaranku maka itulah yang tidak mahu masuk syurga.” - (Riwayat al-Bukhari). Dr Nor Zatu Amni menghuraikan panduan-panduan yang praktikal tentang cara-cara mengatasi kerapuhan kekeluargaan di akhir zaman berpandukan nas al-Quran dan hadis yang sahih. Setelah menghuraikan dengan terperinci mengenai faktor-faktor yang membawa ke arah kerapuhan tersebut, mereka menawarkan penyelesaian berpandukan kajian dan petunjuk wahyu Rabbani agar menjadi bekalan berguna bagi pembentukan sistem kekeluargaan yang baik. Pembentukan keluarga yang baik adalah elemen kedua terpenting setelah pembentukan individu bagi memastikan masyarakat yang berada di atas landasan yang benar.

Menjadi suatu keperluan untuk kita kembali menyeru seluruh umat Islam agar kembali ke pangkal agama Islam dan berpegang kuat kepada ajarannya agar kita semua diselamatkan oleh Allah di dunia dan akhirat. Marilah sama-sama kita perbaiki iman dan amal kita. Teruskan menuntut ilmu agama supaya kita benar-benar menjadi orang bertakwa

dan dapat mengamalkan ilmu yang kita miliki. Berdoalah kepada Allah SWT supaya kita dijauhi dari fitnah hidup dalam suasana akhir zaman yang penuh dugaan dan cabaran yang boleh menjelaskan iman kita jika tidak berhati-hati dan waspada.

Justeru, buku ini diterbitkan untuk memberi pedoman dan panduan berguna kepada semua yang bergelar insan dalam melayari bahtera kehidupan pada akhir zaman. Tajuk buku Titian Akhir Zaman bermaksud perjalanan hidup seseorang insan pada akhir zaman sebelum menuju atau kembali menemui Pencipta-Nya. Buku ini adalah usaha kolektif beberapa penulis bagi menghasilkan bahan bacaan untuk semua peringkat khususnya bagi mereka yang menginginkan panduan bagi merentasi cabaran hidup pada akhir zaman untuk memperolehi kehidupan yang bahagia di akhirat sana.

Sesungguhnya dan sudah sepatutnya setiap insan menyediakan diri mereka dengan ilmu-ilmu dan panduan untuk memikul tanggungjawab sebagai manusia yang hidup pada akhir zaman. Oleh itu, banyak perkara yang perlu diambil kira sebelum dan semasa menghadapi suasana yang penuh dengan cabaran serta dugaan yang berat sehingga adakalanya terasa begitu membebankan. Sebagai contoh, fenomena akhir zaman dengan teknologi yang luas tanpa sempadan yang menguji keimanan dan kesabaran, berbagai-bagi jenis penyakit yang sukar dirawat dengan rawatan konvensional dan ekonomi kehidupan yang amat memeritkan serta dugaan-dugaan lain yang tidak terjangkau oleh ilmu insan melainkan dengan bimbingan dan panduan daripada Ar-Rahman.

Tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam buku ini mengupas fenomena akhir zaman yang berkaitan dengan tanda-tanda kecil dan tanda-tanda besar hari kiamat, masalah media sosial, hal-ehwal wanita, cabaran dalam perubatan kerohanian Islam sebagai rawatan alternatif serta kemelut pengurusan kewangan Islam pada akhir zaman. Perbincangan dalam buku ini dilengkapi mutiara nasihat dari Baginda Rasulullah SAW dan panduan dari orang yang beriman berdasarkan al-Quran untuk persediaan bagi menghadapi fenomena akhir zaman.

Buku edisi kedua ini mengandungi tiga belas bab yang membincangkan Pengertian Akhir Zaman, Meniti Titian Akhir Zaman, Pesanan dan Nasihat Akhir Zaman, Peranan Ilmu dalam Membina Persepsi Aqidah Tentang Tanda-tanda Akhir Zaman, Al-Quran sebagai Penawar Bencana Media Sosial pada Akhir Zaman, Keadaan Wanita Akhir Zaman, Sifat-Sifat Wanita Syurga dan Neraka pada Akhir Zaman,

Akhir Zaman dan Cabaran Rawatan Islam (Ruqyah Syar'iyyah), Cabaran Ekonomi Orang Beriman di Akhir Zaman, Bahaya Nifaq Akhir Zaman, Gejala LGBT dan Remaja Akhir Zaman serta Fenomena Kerapuhan Institusi Kekeluargaan Akhir Zaman. Buku ini mempunyai kelainan dengan buku-buku yang membincangkan kehidupan akhir zaman lain kerana ia merangkumi dan mengetengahkan persoalan kehidupan akhir zaman secara holistik bermula dengan pengertian, tanda-tanda akhir zaman atau hari kiamat, pelbagai langkah persediaan dan panduan menghadapi kehidupan dan fenomena akhir zaman. Buku ini juga mengetengahkan pedoman dan panduan bagi orang beriman agar dapat meneruskan kehidupan akhir zaman dengan memilih jalan yang benar sesuai dengan kehendak Allah SWT dan Rasul-Nya SAW.

Antara persoalan yang sering berlegar di minda kita adalah kemunculan tanda-tanda kecil dan besar hari kiamat. Semakin hari semakin banyak tanda yang muncul hingga umat Islam menjadi panik serta bimbang adakah sempat untuk mereka mencari bekalan untuk di bawa ke negeri akhirat yang pasti. Bagi membahaskan tentang perkara ini, Muthi'ul Haqq Fatah Yasin telah menumpukan perbincangan tentang tanda-tanda akhir zaman pada zaman moden dalam bab yang pertama. Ini termasuk tanda-tanda kecil dan besar, penceritaan mengenai hakikat hari kiamat supaya manusia dapat berhati-hati dan bersiap-sedia menghadapinya sebagaimana yang disarankan Islam. Beliau juga telah memberikan pengertian akhir zaman dan mengemukakan ayat-ayat al-Quran serta hadis-hadis mengenai akhir zaman. Bab pertama memberikan pendedahan awal mengenai hakikat dan definisi akhir zaman sebagaimana diwahyukan oleh Allah SWT dan disabdakan oleh baginda Rasulullah SAW agar umat Islam jelas dan faham mengenai peri pentingnya memahami ilmu ini sebagai salah satu disiplin ilmu Islam.

Umat Islam diajar untuk menghormati para ulama dan cendekiawan Islam yang telah memberi sumbangan yang tiada tolok bandingnya. Noor Azma Mohamad Khassim telah mengupas pesanan Imam Badi'uzzaman Said Nursi mengenai suasana akhir zaman dalam bab yang ketiga. Penulis memulakan dengan sedikit mukadimah mengenai siapakah Badi'uzzaman Said Nursi dan pandangannya mengenai akhir zaman dengan menghuraikan pendapat beliau mengenai peradaban materialisme. Sikap manusia yang pentingkan kebendaan ini secara perlahan-lahan telah membentuk pemikiran dan cara pandang pada

akhir zaman. Materialisme menjadikan manusia lebih mengutamakan aspek dunia yang hakikatnya rendah nilainya, bagaimana cara merawat penyakit materialisme dalam pemikiran akhir zaman, sistem-sistem pemikiran yang mengingkari Uluhiyah, fitnah dari kalangan wanita dan pendedahan atas tamadun moden akhir zaman yang berdiri di atas lima asas yang negatif. Pencerahan mengenai cara mengatasi fahaman materialisme ini dijelaskan melalui panduan yang diberikan dalam bab yang keempat. Bab keempat membincangkan mengenai sikap dan perbandingan manusia yang meninggalkan al-Quran, jejak langkah manusia yang mencari kebenaran melalui al-Quran, saranan supaya umat akhir zaman melakukan persediaan iman, bermuhasabah sejauh manakah kita hari ini mengikut jejak langkah Nabi SAW, para sahabat dan *sahabiyyat* dalam berinteraksi serta belajar dan berdakwah dengan al-Quran. Panduan ini dapat menjadi penyuluhan berguna dalam memandu hati dan akal manusia agar dapat membezakan antara yang haq dan batil pada akhir zaman.

Penggunaan dan kebergantungan masyarakat kepada media sosial di akhir zaman turut hangat diulas oleh umat akhir zaman di semua peringkat. Ustaz Abdullah Bukhari telah menyentuh perkara ini dalam bab kelima. Penulis membahaskan mengenai satu lagi ancaman besar di akhir zaman yang boleh menggoyah akidah dan menimbulkan kecelaruan pemikiran iaitu ancaman media sosial. Bab ini menawarkan penyelesaian bagi menangani fenomena media sosial dengan menerangkan peranan al-Quran sebagai penawar bencana media sosial akhir zaman, penawar dimensi dosa moden dalam media sosial, jenis-jenis dosa akhir zaman serta panduan al-Quran dalam menghadapi ujian dan musibah media sosial dengan mendalami ilmu agama. Sesungguhnya pengetahuan mendalam tentang agama banyak membantu kita memahami hakikat sebenar sesuatu isu yang digembar-gembur dalam media sosial serta keperluan menyemak kebenaran dan kesahihan sesuatu berita yang diterima sebelum mempercayainya.

Persoalan mengenai wanita akhir zaman sudah basah di bibir kita. Golongan ini terdedah dengan pelbagai bentuk ujian dan serangan pemikiran yang boleh merubah pola kehidupan mereka sebagaimana termaktub dalam riwayat serta hadis Nabi SAW. Qurrotul Aien Fatah Yasin telah menyajikan dalam bab keenam sifat dan keadaan mereka yang menjadi sasaran misi syaitan dalam usaha menjauhkan manusia dari Allah SWT. Gambaran wanita menjadi fitnah terbesar bagi lelaki,

wanita ahli maksiat mengajarkan maksiat kepada orang lain, kemunculan penyanyi wanita, berkembangnya fesyen wanita yang berpakaian tetapi hakikatnya telanjang, zina berleluasa dan wanita melahirkan tuannya turut dibincangkan secara terperinci.

Bagi lebih mendalam lagi isu-isu wanita akhir zaman, Mek Wok Mahmud telah menyajikan dan menampilkan sifat-sifat wanita syurga dan neraka pada akhir zaman serta bagaimana kedatangan Islam yang telah membawa wanita keluar dari sebuah kehidupan yang penuh kezaliman dan kehinaan kepada sebuah kehidupan yang penuh kemuliaan dan kehormatan. Disusuli dengan cerita-cerita ringkas srikandi-srikandi Islam bakal penghuni syurga untuk menyentuh perasaan pembaca agar rindukan syurga yang penuh dengan segala kenikmatan. Namun semakin kuat pengaruh Islam semakin hebat juga cabaran yang dihadapi oleh kaum hawa di akhir zaman yang mana sekiranya cabaran ini tidak ditangani dengan hikmah akan menjadi sebab mereka tercebur ke dalam neraka Allah. Antara cabaran-cabaran tersebut adalah gaya berpakaian, mengutamakan profesi daripada mendidik anak-anak, kurangnya ketaatan kepada suami serta tidak menjaga kehormatan diri. Sentuhan cerita-cerita wanita penghuni neraka yang diserapkan dalam tulisan Mek Wok Mahmud bakal mencetus rasa keinsafan dalam nurani pembaca wanita.

Dr. Nurul Jannah Zainan Nazri dan Ustazah Asma' Harun seterusnya membincangkan bab nifaq dalam bab terakhir, atau bahasa modennya hipokrasi dengan olahan dan sajian yang penuh berinformasi berlandaskan nas-nas yang sahih dari al-Quran dan hadis. Perbincangan mendalam tentang dua jenis nifaq menjadi bekalan buat pembaca agar dapat membezakan antara dua jenis nifaq yang wujud sejak zaman Rasulullah SAW hingga ke akhir zaman agar menjadi panduan bagi membenteng diri orang beriman dari gejala yang membawa ke arah nifaq.

Justeru itu, kami merasakan buku ini amat sesuai untuk dijadikan bahan bacaan kepada semua lapisan masyarakat sebagai persediaan dalam menghadapi suasana akhir zaman. Buku ini merupakan salah satu pilihan yang terbaik kerana ia menyediakan pelbagai panduan dan langkah-langkah orang beriman dalam mempersiapkan diri menghadapi cabaran akhir zaman demi menuju sebuah kehidupan yang penuh kebahagian di akhirat yang kekal abadi.

Pendahuluan

Kami berharap agar tajuk-tajuk yang dibincangkan dan penambahan empat bab baharu dalam buku ini dapat menjadi panduan setiap insan dalam mengharungi pelbagai cabaran dan fitnah akhir zaman.

Akhirnya kami mendoakan semoga buku edisi kedua ini dapat memberi manfaat yang lebih besar kepada pembaca sekalian agar tidak mudah tergelincir dan terpedaya dengan pelbagai muslihat musuh Islam dan fenomena alam pada akhir zaman.

SENARAI PENYUMBANG

ABDULLAH BUKHARI ABDUL RAHIM (al-Hafiz) adalah pensyarah di Jabatan Tilawah al-Quran, Pusat Bahasa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Memperolehi Diploma Tahfiz al-Quran dan Qira'at dari Darul Quran JAKIM, Sarjana Muda Usuluddin (al-Quran dan al-Hadith) dan Sarjana Usuluddin (Tafsir al-Quran) dari Universiti Malaya. Bidang pengkhususannya adalah Tajwid, Tahfiz, dan Tafsir al-Quran. Beliau banyak menulis buku dan rencana dalam akhbar serta majalah tempatan. Beliau juga terlibat dengan kerja dakwah dengan mengganggotai beberapa NGO dakwah tempatan seperti MURSHID (Multaqqa Asatizah dan Pendakwah Malaysia) dan Pertubuhan Fajar Iman Matahari Terbit Malaysia. Selain itu beliau banyak muncul dalam rancangan agama beberapa TV tempatan seperti U-Turn, Pentas Dakwah, Aku Bukan Malaikat, Labbaikallah, Dakwah Live, Analisis, Forum Perdana Ehwal Islam, Fikrah, Tabayyun, Tazkirah Malam Jumaat, Bismillah ad-Duha dan sebagainya.

AHMAD 'ARIF MOHD ARSHAD dilahirkan di Klang, Selangor, merupakan Ketua Jabatan Pematuhan Syariah di sebuah bank tempatan di Kuala Lumpur. Memperolehi pendidikan awal di Kolej Islam Sultan Alam Shah Klang sebelum menamatkan pengajian dalam bidang Syariah Islamiah Universiti Al-Azhar Mesir pada tahun 2001. Melanjutkan pengajian di peringkat Masters dalam bidang Fiqh Usul Fiqh di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Memulakan karier dalam bidang penterjemahan Bahasa Arab di Al-Jazeera Arabic Astro sebelum menceburi bidang perbankan Islam sejak tahun 2005 sehingga kini. Aktif dalam mengajar ilmu memanah tradisi untuk masyarakat awam di samping menyampaikan kuliah-kuliah agama di masjid-masjid dan surau-surau di Lembah Klang tentang ilmu-ilmu akhir zaman.

ASMA' HARUN merupakan Pendakwah/penceramah bebas dan dikenali sebagai Motivator. Pengalaman beliau sebagai Pegawai Hal Ehwal Agama Islam JAKIM, Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang keluarga Islam JHEAINS iaitu sebagai Perundingcara rumahtangga selama empat tahun dan bekas Penolong Pengarah Bahagian pengurusan Halal JHEAINS selama 2 tahun. Beliau telah meletakkan jawatan pada Ogos 2017. Beliau juga bekas Ahli Lembaga Pengarah Tahfiz Darul Ulum Negeri Sembilan selama setahun. Beliau telah berkahwin dan memiliki tujuh orang anak. Berasal dari Terengganu dan menetap di Seremban, Negeri Sembilan. Pendidikan tertinggi beliau ialah Master, Pengajian Islam, Open Universiti Malaysia iaitu Ijazah Sarjana Muda, Syariah al Azhar, Mesir. Beliau juga dikenali sebagai pendakwah selebriti, panel undangan Tazkirah Malam Jumaat, Tausiyah Ustazah Asma' di TV Al Hijrah dan panel undangan Wanita Hari Ini di TV3.

MEK WOK MAHMUD (PhD) merupakan seorang Profesor Madya di Jabatan Feqah dan Usul-Feqah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Mendapat pendidikan awal di Sekolah Agama Sultan Ismail Dungun, kemudian melanjutkan pelajarannya di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, (UNISZA). Memperolehi Ijazah pertama dalam Jurusan Undang-undang pada tahun 1989 dan Diploma dalam bidang Pendidikan pada tahun 1990. Seterusnya Ijazah Sarjana dalam bidang Ilmu Wahyu di UIAM. Kemudiannya menyambung pengajian ke peringkat Phd. Dalam bidang Syariah di International University of Khortoum, Sudan. Pada tahun 2006-2010 beliau dilantik menjadi Ketua Jabatan Feqah dan Usul-Feqah, dan Timbalan Dekan Pasca Ijazah di kuliyyah Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, IIUM pada tahun 2012-2015. Beliau kini dilantik sebagai Pengurus Muslimat Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan banyak membentang kertas kerja di forum dan seminar serta dijemput menyampaikan ceramah dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengannya.

MOHAMMAD DHIYA'UL HAFIDH FATAH YASIN (PhD) adalah pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). Memperolehi Sarjana Muda Hadis dan Pengajian Islam dari Universiti Islam Madinah, Sarjana Usuluddin dari KUIN (kini UNISHAMS) dan Doktor Falsafah Pengajian Qur'an dan Sunnah dari UIAM. Penulisan beliau ialah berkaitan pemerkasaan ummah, isu-isu

domestik, serta bidang pelancongan Islam. Beliau juga aktif dalam bidang editorial. Menjadi editor semasa bertugas di MAIPs, UIAM dan kini di KUIPs. Beliau juga merupakan panel Syariah dan Akidah Jabatan Mufti Perlis sejak 2017 sehingga kini.

MOHD AZRUL AZLEN ABD HAMID (PhD) ialah seorang Penolong Profesor dalam bidang bahasa Arab di Jabatan Bahasa Arab, Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau memperoleh ijazah sarjana muda dalam bidang Bahasa Arab dan Kesasteraan dan ijazah sarjana dalam bidang terjemahan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau seterusnya menerima ijazah kedoktoran falsafah dari University of Jordan. Beliau turut menceburi penyelidikan teks agama dengan mempelajari ilmu al-Quran dan tafsir semasa berada di Jordan. Antara sumbangan pemikiran beliau adalah dalam lapangan bahasa Arab dan tadabbur al-Quran. Beliau juga merupakan salah seorang penulis di Telaga Biru Sdn. Bhd. dan menjadi kolumnis tetap majalah Solusi. Selain itu, beliau aktif sebagai penyampai segmen al-Quran di TV Alhijrah, RTM dan Radio IKIM.

MOHD PUZHI USOP (PhD) berasal dari Melaka. Graduan sarjana muda dan Diploma Pendidikan IIUM. Kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan doktor falsafah di Universiti Malaya (UM) dalam bidang pengajaran bahasa Arab. Bertugas sebagai pensyarah bahasa Arab di Centre for Languages and Pre-University Academic Development (CELPAD), IIUM sejak 1999. Kini menjawat jawatan sebagai Ketua Jabatan Training & Iqra' Unit, CENTRIS, IIUM.

MUHAMMAD MUTHI'UL HAQQ FATAH YASIN (al-Hafiz) ialah pensyarah di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) bermula pada bulan Mac 2019 sebelum memegang jawatan Ketua Jabatan Pengajian Kontemporari Islam di Fakulti Pengajian Islam universiti tersebut bermula 1 Oktober 2019. Sebelum menjadi pensyarah, beliau aktif sebagai pendakwah bebas di negeri Perlis dan banyak terlibat dengan program keagamaan sama ada di peringkat negeri Perlis atau melibatkan tetamu-tetamu dari luar negara. Berkelulusan Bahasa Arab di peringkat ijazah Sarjana Muda, Universiti al-Azhar cawangan Itai al-Barud dan sarjana di Kolej Universiti Insaniah atau dikenali pada hari ini sebagai Universiti Sultan Abdul Halim Shah (UNISHAM). Tesis peringkat Doktor Falsafah

beliau pula menyentuh tentang Fiqh Sunnah. Banyak menulis kertas kerja dalam isu-isu fekah kontemporari untuk dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa fatwa negeri Perlis. Terkini beliau masih lagi aktif sebagai seorang pensyarah, pendakwah, imam, penggerusi masjid kariah dan ahli panel Syariah Jabatan Mufti Negeri Perlis.

NOOR AZMA MOHAMAD KHASSIM merupakan pensyarah di Jabatan Usuluddin Universiti Sultan Azlan Shah Kuala Kangsar, Perak. Merupakan lulusan Usuluddin Universiti Malaya di Jabatan Quran dan Hadith. Melanjutkan pengajian Sarjana Ilmu Wahyu di Universiti Islam Antarabangsa, Jabatan Quran dan Sunnah. Seterusnya menyelesaikan penyelidikan kedoktoran berkaitan pemikiran Imam Bediuzzaman Said Nursi di dalam prinsip-prinsip memahami hadith khususnya hadith-hadith akhir zaman di Universiti al Quran al Karim Omdurman, Sudan. Area kajian dan penulisan ialah berkaitan *Rasail Nur*, Hadith-hadith akhir zaman dan kajian turath ulama Melayu Nusantara.

NOR ZATU AMNI MOHAMAD (w) merupakan salah seorang guru di Pusat Bahasa Darul Ulum (PADU), Pokok Sena, Kedah di mana beliau diamanahkan untuk mengajar subjek al-Qur'an, Pendidikan Syariah Islam dan Tasawur Islam. Beliau telah memperoleh ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran falsafah beliau daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Bidang kajian beliau adalah berkaitan tafsir al-Qur'an dan fiqh wanita. Antara penulisan beliau yang pernah diterbitkan ialah berkaitan kisah suami isteri dalam al-Qur'an.

NURUL JANNAH ZAINAN NAZRI (PhD) ialah Penolong Profesor di Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Ilmu Wahyu. Bidang Pengkhususan beliau adalah hadith dan isu-isu kontemporari. Kajian-kajian ilmiah beliau sering menyentuh kepada aplikasi ilmu hadith sebagai solusi kebejatan zaman moden. Isu-isu moral antara manusia sesama manusia dan alam sekitar menjadi tunjang kajian. Beliau amat komited dalam menjadikan al-Qur'an dan Hadith sebagai kayu ukur utama dalam mengharungi era globalisasi. Karya-Karya beliau boleh didapati di dalam jurnal-jurnal nasional dan antarabangsa.

QURROTUL AIEN FATAH YASIN merupakan seorang pendakwah dan penulis sepenuh masa. Beliau mendapat pendidikan menengah di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang, ijazah Sarjana Muda dalam bidang hadis di Universiti al-Azhar, Mesir dan ijazah sarjana pengajian Islam dan Ilmu Wahyu di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Berpengalaman sebagai pendidik di beberapa buah sekolah rendah, menengah dan pensyarah universiti di Malaysia, menyampaikan ceramah motivasi serta mengisi kuliah-kuliah agama dalam kalangan masyarakat umum, pelajar dan staf-staf di pejabat. Beliau juga menyusun beberapa modul dakwah dan menulis karya yang meliputi tema hadis, wanita, rumah tangga, pengurusan hati dan sebagainya. Selain itu, beliau juga menulis karya bersama dan menyunting beberapa karya tokoh-tokoh agama. Antara karya utama beliau ialah buku ‘Rahsia Wanita Syurga’, ‘Cara Mudah Menguasai Ulum Hadis’, ‘Andai Ini Ramadhan Terakhirku’ dan ‘Menggapai Cinta Ilahi’.

RAUDLOTUL FIRDAUS FATAH YASIN (Phd) dilahirkan di Kuching, Sarawak dan menerima pendidikan awal di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan Kangar sebelum menamatkan bangku sekolah di Maahad Fatayat Abasiah Al-Azhar, Mesir. Memperolehi sarjana muda dalam bidang Usuluddin Tafsir dari Universiti Al-Azhar, Mesir pada tahun 2001. Menyambung pengajian di peringkat Masters di INSANIAH Kedah (UNISHAMS) sehingga tahun 2003. Memperolehi Masters dalam bidang Pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2006 dan Phd dalam bidang yang sama pada tahun 2012. Kini bertugas sebagai pensyarah kanan di Jabatan Quran dan Sunnah UIAM dan Timbalan Pengarah Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, CENTRIS, UIAM. Beliau telah menerbitkan lebih enam puluh karya berbentuk artikel dan buku-buku ilmiah yang bersifat akademik dan separa akademik di peringkat tempatan dan antarabangsa.

SOFIAH SAMSUDIN (PhD) kini berkhidmat sebagai penolong profesor di Jabatan Pengajian Al-Qur'an dan Sunnah, KIRKHS, UIAM, bermula tahun 1996 sehingga sekarang. Beliau memperolehi ijazah sarjana dari University of Jordan Amman, Jordan, pada Disember tahun 1995 dalam bidang ‘Ulum al-Qur'an dan Tafsir. Pada tahun 2003, beliau memperoleh PhD dalam bidang ‘Ulum al-Qur'an dan Tafsir dari Universiti Kebangsaan Malaysia UKM. Beliau telah menulis beberapa buku dalam Ulum al-

Qur'an, seperti "Pengenalan Kajian Ulum Al-Qur'an", Ismail Haqqi Al-Burusawi dan Manhaj Penulisan dalam Tafsirnya Ruh al-Bayan, Al-Wihdah al-Maudhuiyyah fi Surah Yasin, Dzahirah al-Liwat fi Indonesia wa Turuq 'Ilajihi dan lain-lain. Mengendali halaqah tafsir bagi wanita sejak 2004 hingga sekarang. Beliau juga telah diamanahkan sebagai salah seorang pakar dalam penggubalan Modul Pasca Perkahwinan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM. Beliau berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Pengajian Al-Qur'an dan Sunnah dari tahun 2008 hingga 2009. Beliau juga telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran yang berkaitan dengan Pengajian Al-Qur'an di peringkat sarjana muda, dan juga beberapa kursus di peringkat sarjana, antaranya ialah Ulum al-Quran, Al-Tafsir al-Maudhu'i, al-Tafsir al-Tahlili, al-Khitab al-Qur'ani, al-Dirasah al-Tahliliyyah fi` Ulum al-Qur'an dan al-Qira'ah al-Nassiyah fi kutub al-Tafasir dan lain-lain.

INDEKS

A

Abu Taybah 121–123
Ahmad 4, 17, 20–22, 30, 33, 71, 80, 84,
94, 97, 115–116, 118, 142, 165
Aisyah r.a. 64–65, 69, 82–83
Al-Asfar Ibn Al-Ruum Ibn ‘Aysuu Ibn
Ishaq Ibn Ibrahim 133
al-Dabbah 13
al-Dukhan 13
Al Farabi 99
al-Ghifari 12
Al-Qurtubi 70–71, 133, 162
Al-Razi 61–62
Amanah 18, 84, 96, 109, 122
Amwas 14
Asiyah 104–106, 112
Asiyah binti Muzahim 104

B

Badi’uzzaman Said Nursi 8
Badwi 18
Bait al-Maqdis 14
Burj Dubai 138

D
Dajjal 131, 138, 142
Dr. Muhammad al-Arif 169
Dr. Wahbah al-Zuhayli 59

E

Eddie Redzovic 135

F
Fiqh Tahawulat 47
Firaun 104–106, 178–179
fitnah 7, 9, 11, 17, 21, 30, 33, 43–44,
51–52, 82, 86–88, 90, 92, 96, 100,
109, 122, 142

G

Gerhana 13, 20

H

Hanbali 99
Hijaz 14–15, 141

I

Ibadah 12, 29, 87, 125, 130, 133, 142
Ibn ‘Asyur 58–59, 68, 72
Ibn Kathir 22, 34, 41, 58–59, 70, 74,
178
Ibn Khaldun 99
Ibn Majah 133, 143
Ibn Sina 99
Ibn Taimiyyah 126

- Ibnu Daqiq 137–138, 143
Ibnu Qayyim 126, 128
Ibrahim 163
Ihsan 43–45, 103
Imam Al-Jawzi 135–136, 139
Imam Nursi 45–48, 50–52
Imam Syafie 99
Ismail Kamus 125, 128
Isparta 45
- J
- Jibrail 19
- K
- Kamal Ataturk 46
Khadher Ahmad 116
kiamat 1–2, 5, 7–8, 12–21, 23–24, 27–
29, 34–35, 38, 40, 42–44, 62, 70, 76,
85–87, 90, 92–96, 129–130, 136–137,
141–143
Kingdom Tower 138–139
Kisra 16, 104
- M
- Madinah 15, 21, 69, 82–83, 130–133,
142, 158, 169, 186
Mahdi 46
Maliki 99
Maryam binti Imran 106–107
Masjidil Aqsa 132–133
Masjidil Haram 132–133, 138
Micheal Jackson 135
Mike Tyson 135
Mohd Farhan Arifin 117
Monggol 16
Mubarak Tower 138
Musa 97, 105
- N
- Nabi Isa a.s. 13, 16, 34–35, 104, 108,
141
Nabi Ishaq 133
Nabi Lut a.s. 108, 110–113, 154
Nabi Muhammad SAW 1, 3, 23, 46,
57, 59, 61–62, 86, 118, 130, 134, 172
Nabi Nuh a.s. 59, 61–62, 109–113
Nabi Zakaria a.s. 107
Najad 17
Nihayah al-'Alam 130
- P
- Persatuan Kebajikan dan Pengubatan
Islam 116, 118
Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO)
100
- Q
- Quraisy 59
- R
- Rasail Nur* 46, 188
Riba 20, 130, 168
Rusia 46
- S
- Sadom 110–111
Said bin Mirza 45
Said Jadid 46
Said Qadim 45
Sayyid Qutb 62
Sheikh Abu Bakar al-Adni 47
Syeikh Abul Barra 126
Syeikh Ali Qutb 105
Syeikh Wahid Abdus Salam 126

Indeks

T

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi
Kebangsaan (NHMS) 100, 139
Tuan Guru Haron Din 116
Turki 16, 45

U

Ummu Salamah 121–122
Urfā 45–46

Usamah bin Yasin Al-Ma'aniy 126
Ustaz Ahmad Dusuki Abd Rani 116

Y

Yahya bin Abi Al Mutha' 133
Yakjuj 13
Yaman 3, 13, 17
Yathrib 131
Yusuf Estes 135